

PM bentang RMKe-12 pada 27 September

BH - 2/9/2021 m/s.9

Rapat jurang pembangunan antara jadi keutamaan

Putrajaya: Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob akan membentangkan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) di Dewan Rakyat pada 27 September ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata usaha penyediaan RMKe-12 juga kini hampir 100 peratus siap.

“Unit Perancang Ekonomi (EPU) akan memberi taklimat

dan maklumat terkini kepada Perdana Menteri mengenai penyediaan RMKe-12 berkenaan,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengimbas kad perakam waktu sebagai tanda memulakan tugas di Unit Perancang Ekonomi berkenaan di sini, semalam.

Turut hadir timbalan beliau, Datuk Eddin Syazlee Shith.

Selain itu, Mustapa berkata, pembentangan RMKe-12 serta Belanjawan Pembangunan 2022 juga adalah tumpuan utama EPU bagi tempoh 100 hari pertama pelantikan beliau.

Katanya, bagi RMKe-12, isu utama yang akan ditangani dalam tempoh lima tahun akan datang termasuk merapatkan jurang pembangunan negeri dan kawasan di negara ini dalam tempoh sederhana serta jangka panjang.

“Kita sudah kenal pasti enam negeri yang terkebelakang, termasuk Sabah dan Sarawak yang menjadi tumpuan dalam merapatkan jurang pembangunan di negeri terbabit.

“Selain itu, kita juga akan menumpukan jurang pendapatan antara golongan B40, M40 dan T20 khususnya yang terkesan akibat pandemik COVID-19,” katanya.

Mustapa berkata, RMKe-12 juga akan memastikan keperluan asas seperti air, elektrik serta infrastruktur kemudahan internet dapat dinikmati sepenuhnya oleh rakyat.

Dalam pada itu, Mustapa berkata, EPU akan memuktamadkan Belanjawan Pembangunan 2022 bersama-sama Kementerian Kewangan pada masa terdekat ini.

BERNAMA